

Lelaki warga China mati berebut anak dengan isteri

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SHAH ALAM - Gara-gara berebut anak, seorang lelaki warga China terbunuh selepas bergaduh dengan beberapa ahli keluarga dan kenalan isterinya dalam kejadian di sebuah rumah di Setia Alam di sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 12 tengah malam, mangsa Jin Shijie, 39, seorang ahli perniagaan, dikatakan datang ke rumah keluarga isterinya kerana mahu mengambil anak perempuan mereka yang berusia empat bulan untuk dibawa pulang ke China.

Ketika itu turut berada di rumah ialah ibu mertua mangsa.

Tindakan tersebut menyebabkan nenek kepada bayi itu menghubungi adik lelaki kepada isteri mangsa. Tidak berapa lama selepas dihubungi, adik iparnya

bersama seorang rakan dan bapa mertuanya datang ke rumah tersebut.

Kedatangan tiga lelaki itu telah mencetuskan pergaduhan sebelum berlaku pergelutan dan akhirnya warga Cina itu terkorban.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Shafien Mamat berkata, pergaduhan itu tercetus apabila isteri dan ahli keluarganya cuba menghalang niat lelaki terbabit membawa bayi itu ke China.

"Didakwa ketika bertengkar dengan isterinya, lelaki warga China itu dikatakan bertindak agresif dengan cuba melempar anak sendiri ke lantai.

"Sikap mangsa itu mengundang pergelutan antara mangsa dengan ahli keluarga isterinya," kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, ketika perge-

lutan, mangsa dikatakan rebah sebelum disahkan mati di tempat kejadian.

Shafien memberitahu, pemeriksaan ke atas mayat warga China itu menemui beberapa kesan kecederaan seperti lebam di mata kiri, bibir dan bengkak di belakang kepala.

Berikutan kejadian itu, kata beliau, polis menahan empat individu iaitu isteri mangsa yang berusia 37 tahun, bapa mertua, adik ipar dan seorang kenalan keluarga itu.

Keempat-empat suspek berusia 32 hingga 66 tahun disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Difahamkan, mangsa dan isterinya yang sama-sama bekerja di sebuah syarikat swasta dalam proses perceraian. Namun belum diketahui punca pasangan itu mahu bercerai.



EMPAT suspek yang ditangkap polis bagi membantu siasatan kes kematian seorang lelaki warga China di Setia Alam, Shah Alam semalam.

Tertuduh didakwa tipu periksa kesihatan pemohon memperbaharui lesen JPJ

4 doktor buat perakuan palsu

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

POH - Empat doktor didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan membuat perakuan palsu dalam borang permohonan lesen vokasional Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tiga tahun lalu.

Dr. Ahmad Razi Othman, 58, Dr. Phuah Chye Thuang, 62, Dr. R. Pathmanathan, 55, dan Dr. Fong Hon Pin@Poon Hon Pin, 68, didakwa melakukan kesalahan itu di premis berasingan pada 7 Mac 2013.

Tertuduh masing-masing doktor swasta didakwa membuat perakuan telah memeriksa seorang individu bagi memperbaharui lesen memandu Kelas D untuk memandu kenderaan perkhidmatan awam, sedangkan tiada pemeriksaan kesihatan dibuat.

Tindakan kesemua tertuduh itu dilakukan bagi menyokong suatu tuntutan untuk memperbaharui lesen kelas D milik empat pemohon itu ke JPJ.

Bagaimanapun, keempat-empat tertuduh mengaku tidak bersalah dan masing-masing minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim Indra Nehru Savandiah.

Ahmad Razi didakwa membuat perakuan palsu dalam borang permohonan atas pemohon Zulkifli Che Yusof, 40, di Poliklinik Razi 27 di Taman Sri Damai, Tapah.

Chye Thuang didakwa melakukan perbuatan sama atas penama Mohd. Firdaus Azizan, 33, di Klinik Phuah Jalan



CHYE THUANG



HON PIN



PATHMANATHAN



AHMAD RAZI



BANGUNAN Mahkamah Sesyen Ipoh di Ipoh.

Takong Datoh, Gerik.

Sementara itu, Pathmanathan pula melakukan kesalahan itu ke atas Mohd. Saiful Baqhtiar. Mohd. Rohaizat, 37, di Kumpulan Poliklinik Manjung Sdn. Bhd., Taman Samudera, Bandar Seri Manjung.

Bagi Hon Pin, doktor itu didakwa melakukan kesalahan itu atas penama S. Suppiah Thevar, 36, di Klinik Simee,

Kampung Simee di sini.

Keempat-empat orang doktor itu didakwa mengikut Seksyen 465 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun dan denda atau keduanya sekali.

Indra menetapkan tarikh sebutan semula kesemua kes tersebut pada 5 Februari ini dan membenarkan setiap ter-

tuduh kecuali Chye Thuang diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin.

Ketiga-tiga tertuduh yang dibenarkan ikat jamin RM5,000 perlu melaporkan diri kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) cawangan Ipoh sekali sebulan.

Bagaimanapun, bagi Chye Thuang, mahkamah membenarkan doktor itu diikat jamin sebanyak RM10,000 bersama seorang penjamin selepas dia memohon untuk tidak dikenakan melaporkan diri ke SPRM pada setiap bulan.

Kempat-empat tertuduh membayar wang ikat jamin masing-masing.

Ahmad Razi diwakili peguam bela Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid, Pathmanathan pula diwakili oleh peguam bela Manjit Kaur manakala Hon Pin diwakili peguam bela Meor Shaazizi Meor Shaari dan Chye Thuang diwakili peguam bela N. Sakthivel.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Nurul Wahida Jalaluddin.

INFO Lesen Vokasional

Kelayakan bagi pemohon lesen vokasional

- Lulus pemeriksaan perubatan sebagaimana disyaratkan
- Telah menghadiri kelas teori dan latihan amali sebagaimana disyaratkan
- Lulus ujian teori dan amali sebagaimana disyaratkan
- Pemohon warganegara Singapura hanya layak memohon di JPJ Johor Bahru

Dokumen yang diperlukan

- MyKad /Pasport asal atau salinan MyKad/Pasport pemohon sekiranya urusan dilakukan oleh wakil
- Lesen Memandu Kompeten (CDL) asal
- Borang JPJL8A
- Borang JPJL12
- Sijil JPJL2C
- Sekeping gambar warna (berlatar putih) berukuran 25mm x 32mm
- Bayaran RM20
- Visa ke atas warga asing

Syarat-syarat pembaharuan

- Tempoh pembaharuan dibenarkan setahun
- Tidak disenaraihitam
- Mengemukakan laporan perubatan dan tempoh sah laku laporan perubatan (Borang JPJ L8) tidak melebihi satu (1) tahun

Dokumen yang diperlukan

- MyKad /Pasport asal atau salinan MyKad/Pasport pemohon sekiranya urusan dilakukan oleh wakil
- Lesen Memandu Kompeten (CDL) asal atau salinan
- Pengesahan kesihatan Pegawai Perubatan (Borang JPJL8A)
- 1 keping gambar warna (berlatar putih) berukuran 25mm x 32mm
- Bayaran RM20 setahun
- Visa masih sah (untuk warga Singapura)